

## **Sabah peruntuk hampir RM201 juta bantuan kebajikan**

**Malaysiakini**

**18 Januari 2019**

Kerajaan pusat dan negeri memperuntukkan hampir RM201 juta untuk bantuan kebajikan kepada 60,205 penerima di Sabah, pada tahun lalu kata Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Sabah, Datuk Stephen Wong Tien Fatt.

Katanya daripada jumlah itu, RM157,742,000, merupakan biayaan dari kerajaan pusat bagi menampung perbelanjaan bantuan untuk orang tua, kanak-kanak, elaun pekerja cacat, bantuan penjagaan Orang Kurang Upaya (OKU), pesakit kronik terlantar, bantuan OKU tidak berupaya bekerja, serta bantuan anak pelihara.

"Manakala selebihnya iaitu RM43,117,560 adalah dari kerajaan negeri membiayai skim bantuan am serta skim bantuan anak yatim di Sabah," katanya kepada pemberita pada program hari bertemu pelanggan bersama Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Sabah di Tawau semalam.

Wong yang juga Ahli Parlimen Sandakan itu berkata Kerajaan negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah akan terus dirancang bagi memastikan nasib rakyat yang memerlukan di negeri ini sentiasa diberi

perhatian termasuk mangsa bencana.

"Misalnya, ketika ini Tawau merekodkan 4,700 penerima bantuan kebajikan termasuk golongan warga tua, OKU, kanak-kanak berkeperluan, pesakit kronik atau OKU terlantar, pesakit serta ibu-ibu tunggal dengan melibatkan perbelanjaan kira-kira 1.4 juta setiap bulan," katanya lagi.

Dalam pada itu, beliau komited bagi memastikan kemudahan klinik khususnya di kawasan pedalaman Sabah akan diberi perhatian untuk pembangunan hospitaliti kesihatan yang selesa.

"Ini termasuk mengurangkan tempoh masa menunggu mendapatkan rawatan bagi pesakit, serta menambah bilangan pakar perubatan di Sabah merupakan antara agenda utama saya," katanya lagi.

Sementara itu katanya, pemantauan harga barang di Sabah akan dilaksanakan secara kerap bagi memastikan peniaga tidak sewenang-nya menaikkan harga dan menipu pengguna.

"Pemantauan ini akan dilaksanakan penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), termasuk menangani isu kenaikan harga tong gas memasak," katanya lagi.

**Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd**

Source: <https://www.malysiakini.com/news/460657>